

30 JAN 1999

Mahkamah-Anwar

ANWAR DIPERINTAH BELA DIRI

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini memerintahkan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim membela diri terhadap empat tuduhan rasuah.

Hakim Datuk S. Augustine Paul berkata pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap Anwar.

"Dalam kata lain, pihak pendakwaan telah membuktikan kandungan kesalahan mengikut Seksyen 2 () Ordinan (kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970.

"Dengan itu, saya memerintahkan tertuduh membela diri terhadap kesemua empat tuduhan seperti yang dipinda," kata Paul semasa mengumumkan keputusannya pada 10.45 pagi.

Anwar akan membela diri pada 8 Feb.

Sebelum itu, Paul meminda perkataan dalam keempat-empat pertuduhan yang telah dipinda sebelum ini oleh pihak pendakwaan.

Pindaan melibatkan tuduhan kedua dan keempat bagi pertuduhan versi Bahasa Inggeris manakala pindaan kedua melibatkan pertuduhan satu dan tiga dalam pertuduhan versi Bahasa Kebangsaan, dengan menambah perkataan selepas tarikh 5 Ogos 1997 bagi menepati keterangan-keterangan yang telah dikemukakan "yang mana mereka telah perolehi seperti yang diarahkan dalam bentuk kenyataan bertulis bertarikh 18 Ogos, 1997."

Anwar, 51, menghadapi empat tuduhan rasuah menyalahgunakan kedudukannya dengan mencampur tangan dalam siasatan polis berhubung dakwaan dia terlibat dalam salah laku seks.

Beliau dituduh mengikut Seksyen 2 (1) Ordinan No 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman penjara sehingga 14 tahun atau denda maksimum RM20,000 atau kedua-duanya.

Keputusan memerintahkan bekas Menteri Kewangan itu membela diri dibuat pada hari ke 50 perbicaraan yang bermula 2 Nov lepas.

Anwar dilucutkan jawatan daripada kerajaan pada 2 Sept tahun lepas dan disingkir daripada Umno pada hari berikutnya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu yang berbaju putih dan berseluar coklat tua, tersenyum kepada anggota keluarganya selepas keputusan diumumkan.

Anwar, yang berkata dia memang menjangka tidak akan dibebaskan, akan memberi keterangan secara bersumpah dari tempat saksi.

Pihak pembelaan telah berkata mereka bercadang memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tiga menteri sebagai saksi. Menteri-menteri itu ialah Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Selepas mahkamah meminda pertuduhan itu, Hakim mengarahkan jurubahasa membacakan semula pertuduhan satu dan tiga dalam versi bahasa kebangsaan kepada Anwar.

Sebaik sahaja pertuduhan pindaan itu dibacakan kepadanya, Anwar memberitahu mahkamah bahawa beliau minta dibicarakan terhadap pertuduhan pindaan itu.

Sebelum mengumumkan keputusannya, Paul berkata pada peringkat ini beliau tidak bercadang untuk menyatakan sebab-sebabnya.

Katanya beliau membuat keputusan itu selepas menimbang keterangan yang berkaitan dengan tuduhan dan juga hujah pembelaan dan pendakwaan.

Paul menerangkan tiga pilihan yang boleh dibuat oleh Anwar semasa

membela diri iaitu berdiam diri, membuat kenyataan dari kandang tertuduh yang tidak boleh disoal oleh peguam bela, pendakwa atau mahkamah yang mana hakim memaklumkan bahawa kenyataan mempunyai nilai yang rendah daripada keterangan bersumpah, dan ketiga, memberi keterangan dari tempat saksi dengan keterangan secara bersumpah yang boleh disoal oleh peguam, pendakwa dan mahkaamh.

Paul berkata Anwar bebas untuk merujuk dan berbincang dengan peguamnya sebelum membuat keputusan.

Peguam bela utama Raja Aziz Addruse memberitahu mahkamah bahawa pihak pembelaan sebelum itu mengadakan perbincangan dengan Anwar yang bersetuju untuk memberi keterangan bersumpah daripada tempat saksi.

-- BERNAMA  
NHD SBB MAI